

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOSPITAL KOTA BHARU, KELANTAN**  
**"PERASMIAN PROGRAM PROMOSI KESIHATAN KANAK-KANAK DAN**  
**'BABY FRIENDLY INITIATIVE' PERINGKAT NEGERI KELANTAN"**  
**03 MAC 1994**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan kerana menjemput saya untuk melancarkan Program Promosi Kesihatan Kanak-Kanak dan 'Baby Friendly Hospital Initiative' di Peringkat Negeri Kelantan pada hari ini.

2. Tema Promosi Kesihatan Kanak-Kanak bagi tahun ini, iaitu 'Anak sihat tunggak masa depan negara', adalah tepat dan wajar. Ini kerana kedudukan negara kita di masa hadapan amatlah bergantung kepada generasi kanak-kanak sekarang. Oleh itu, kesihatan mereka adalah penting dan perlu dijaga supaya mereka sentiasa sihat dan membesar serta berkembang dengan sempurna dan seterusnya dicegah daripada ditimpa kemalangan yang tidak diinginkan.

3. Promosi kesihatan kanak-kanak pada tahun ini merupakan salah satu daripada Kempen Cara Hidup Sihat yang mana telah dijalankan sejak tahun 1991. Saya berasa gembira bahawa pada tahun ini kempen ini ditumpukan sepenuhnya kepada kesihatan kanak-kanak, terutamanya dalam aspek immunisasi, pembesaran, perkembangan dan kemalangan di kalangan kanak-kanak.

4. Bagi seseorang kanak-kanak, penyusuan susu ibu adalah amat penting. Susu ibu adalah makanan yang paling lengkap dan cukup untuk keperluan seseorang bayi sehingga berumur empat hingga enam bulan.

5. Penyusuan susu ibu dengan sepenuhnya tanpa campuran makanan-makanan lain sehingga bayi berumur empat hingga enam bulan adalah suatu amalan yang baik untuk ibu dan bayi. Saya difahamkan ramai ibu di negeri Kelantan menyusukan susu ibu. Ini adalah satu perkembangan yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, masih ramai yang mencampuri dengan susu lain atau makanan lain. Amalan ini akan menyebabkan gangguan pengeluaran susu dan seterusnya menyebabkan pemberhentian penyusuan susu ibu.

6. Kerajaan telah memutuskan supaya budaya penyusuan susu ibu di kalangan semua masyarakat kita dikembalikan. Dalam hal ini, hospital-hospital dijadikan titik permulaan untuk mengwujudkan suasana yang selesa agar semua ibu dapat menyusukan bayi mereka dalam tempoh setengah jam selepas dilahirkan.

7. Sebagai garis panduan, hospital-hospital dikehendaki mengikut sepuluh langkah yang membolehkannya menjadi 'Hospital Baby Friendly', iaitu hospital sebagai sahabat bayi. Antara langkah yang diambil adalah mengadakan dasar untuk membantu amalan penyusuan bayi.

8. Saya berharap dasar yang diadakan oleh hospital dapat membantu agar penyusuan susu ibu ini berjaya sebagaimana hasrat kerajaan dan bukan menjadi beban atau halangan kepada masyarakat. Kerjasama puan-puan dan tuan-tuan serta semua kakitangan kesihatan/hospital akan menentukan kejayaan kempen susuan susu ibu ini.

9. Untuk menjadi hospital yang benar-benar 'Baby Friendly', semua ibu mestilah berjaya memberikan susu ibu kepada bayi sebelum dibenarkan keluar hospital.

10. Penyusuan susu ibu adalah penting kerana ia dapat membantu perkembangan dan pembesaran kanak-kanak dengan sempurna terutamanya bagi tempoh enam bulan pertama. Selepas tempoh itu kanak-kanak memerlukan makanan tambahan yang berzat dengan jumlah yang cukup, bersih dan penyediaan yang sesuai mengikut umur mereka. Gangguan pemakanan akan menyebabkan gangguan pembesaran dan perkembangan.

11. Untuk menentukan pembesaran dan perkembangan yang sesuai mengikut tahap umur adalah penting ibu-ibu membawa anak-anak mereka ke klinik-klinik kesihatan bayi untuk penilaian.

12. Rangsangan semua pancaindera kanak-kanak amat perlu sebaik sahaja mereka dilahirkan. Seseorang kanak-kanak mempelajari dunia ini melalui sentuhan, melihat, mendengar, merasa dan menghindar. Dengan bermain dan menjalani aktiviti-aktiviti harian mereka akan mengalami pembelajaran.

13. Selain daripada pemakanan yang lengkap, pembesaran dan perkembangan yang memuaskan, setiap bayi perlu diberi immunisasi untuk mencegah penyakit. Di Malaysia, terdapat tujuh jenis immunisasi yang diberi secara percuma sejak bayi dilahirkan, iaitu untuk mencegah penyakit Batuk Kering (Tuberculosis), Hepatitis B, Sakit Kerongkong (Diphtheria), Kancing Gigi (Tetanus), Batuk 100 hari dan campak. Pemberian immunisasi mengikut jadual yang ditetapkan akan memberi perlindungan kepada seseorang bayi. Justeru itu, saya harap semua ibu dan bapa dapat memberi kerjasama untuk membawa anak-anak mereka ke klinik seperti yang ditetapkan.

14. Selain daripada itu, terdapat beberapa immunisasi lagi yang diberikan kepada ibu untuk mencegah penyakit kepada anak yang bakal dilahirkan. Immunisasi rubella diberi kepada ibu atau wanita sebelum mengandung agar tidak diserangi penyakit rubella semasa hamil yang mana boleh memberi kecacatan semulajadi kepada bayi. Immunisasi Anti Tetanus Toxoid pula diberi kepada ibu semasa hamil agar anak yang bakal lahir tidak diserang penyakit kancing gigi.

15. Di samping menjaga anak-anak kita daripada aspek pemakanan dan immunisasi kita juga patut menentukan anak-anak kita dijauhi daripada kemalangan yang tidak diingini. Kemalangan di kalangan kanak-kanak boleh berlaku di rumah ataupun semasa di jalan raya. Di Malaysia kemalangan jalan raya merupakan penyebab ketiga kematian.

16. Daripada kemalangan di rumah, didapati 80 peratus adalah golongan wanita dan kanak-kanak berumur kurang daripada 12 tahun. Dengan itu langkah pencegahan amat perlu dengan menentukan rumah dan persekitaran yang selamat untuk mereka.

17. Selain daripada kemalangan di rumah, kemalangan jalan raya telah meningkat dari tahun ke tahun. Kanak-kanak lebih terdedah kepada kemalangan, terutamanya jika mereka tidak diletak di tempat duduk yang sesuai untuk mereka semasa dalam kenderaan.

18. Di negara kita, sistem perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak jauh lebih maju daripada negara-negara membangun yang lain. Penyediaan kemudahan kesihatan seperti hospital dan pusat kesihatan sentiasa mendapat perhatian kerajaan dalam setiap rancangan pembangunannya.

19. Dengan adanya kempen ini, diharapkan kemudahan-kemudahan yang disediakan digunakan dengan sepenuhnya untuk kepentingan anak-anak kita yang merupakan aset negara yang sangat penting.

20. Dalam tahun 1985 didapati 570 juta kanak-kanak di bawah lima tahun di dunia yang mana jumlah ini lebih ramai daripada penduduk Afrika. Di negeri Kelantan, pada tahun 1993 kanak-kanak di bawah lima tahun adalah 208,746 orang.

21. Menurut UNICEF, bagi setiap hari dianggarkan 35,000 orang kanak-kanak di serata dunia meninggal dunia kerana punca yang boleh dicegah seperti kekurangan zat makanan dan penyakit berjangkit.

22. Memandangkan jumlah kanak-kanak yang ramai dan mereka mudah terdedah kepada segala penyakit dan kemalangan, maka amat perlu bagi kita semua memberi perhatian kepada kesihatan mereka. Semoga dengan program promosi ini negara kita akan melahirkan lebih ramai cendekiawan yang berkelibar di masa akan datang.

23. Semoga segala usaha kita akan diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala.

24. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan rasminya melancarkan Program Promosi Kesihatan Kanak-Kanak dan 'Baby Friendly' Hospital Peringkat Negeri Kelantan.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.